

30/05/2003

Rela dilarang ikut cegah maksiat

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) kini tidak dibenarkan menyertai operasi mencegah maksiat yang dilaksanakan jabatan agama Islam negeri.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Kabinet minggu lalu berikutan kejadian seorang anggota Rela mengambil gambar pelayan pelanggan (GRO) yang kencing ketika ditahan dalam lori pada 22 Mac lalu.

Bagaimanapun, larangan itu yang berkuat kuasa minggu lalu tidak membabitkan penyertaan Rela dalam operasi Jabatan Imigresen, polis dan pihak berkuasa tempatan.

Ketua Pengarah Rela, Datuk Hamzah Abdullah, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat itu menyatakan rasa kecewanya berhubung kejadian yang tidak sepatutnya berlaku.

"Bagi mengelak kejadian itu berulang, kerajaan memutuskan anggota Rela tidak lagi boleh terbabit dalam operasi bersama jabatan agama Islam," katanya di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.50 tengah malam 22 Mac lalu, anggota Rela, Mohamad Tahir Osman mengambil gambar Maslinda Ishak ketika wanita itu kencing di atas trak di Taman Maluri, Cheras.

Maslinda ditahan pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)

dan Rela di Kelab De Vegas, Jalan Imbi dalam operasi mencegah maksiat yang dikendalikan Jawi.

Wanita itu yang hendak membuang air, diarah berbuat demikian di dalam trak dan Mohamad Tahir mengambil gambarnya ketika itu.

Berikutan kejadian itu, Mohamad Tahir dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara empat bulan. Maslinda yang tidak berpuas hati dengan hukuman itu memfailkan saman RM5 juta terhadap Mohamad Tahir, Ketua

Pengarah Rela, Jawi dan Kerajaan Malaysia.

Hamzah berkata, walaupun kejadian itu adalah kes terpencil, ia menjejaskan imej Rela yang diharap memberi perkhidmatan sukarela kepada masyarakat serta dihormati.

"Kita sudah memecat anggota berkenaan dan diharap menjadi pengajaran kepada anggota lain," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hamzah berkata, pihaknya sudah mengemukakan cadangan meningkatkan elaun latihan anggota Rela kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ketika ini, anggota Rela yang mengikuti latihan dibayar RM12.50 sehari berbanding pasukan sukarelawan lain yang menerima RM30 sejam. Rela mempunyai kira-kira 345,000 ahli di seluruh negara.

"Kita mencadangkan anggota Rela dibayar sekurang-kurangnya sama dengan pasukan sukarelawan lain," katanya sambil menegaskan, bayaran bukan ukuran

terpenting dalam perkhidmatan Rela, tetapi ia sedikit sebanyak dapat meningkatkan pembabitan masyarakat.

"Anggota yang berkhidmat secara sukarela itu akan merasa perkhidmatan mereka dihargai seperti pasukan lain," katanya.

Hamzah juga berkata, Rela akan menyambut hari ulang tahun penubuhan ke-31 Sabtu ini, yang akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dataran Putra di sini.

Sempena majlis itu, Kod Etika Rela yang menjadi garis panduan terhadap perkhidmatan pasukan berkenaan akan dilancarkan. Seramai 28 anggota Rela akan dianugerahkan Pingat Jasa Terbilang dan Pingat Khidmat Cemerlang, termasuk tiga ahli dewan undangan negeri.